

## **Perceraian dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Kuala Besut, Terengganu (1953-1963)**

Ruhaizan Sulaiman @ Abd. Rahim  
Ruzaini Sulaiman @ Abd Rahim  
Engku Ahmad Zaki Engku Alwi  
Norizan Abdul Ghani

### **Abstrak**

Kajian ini meneliti masalah perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuala Besut, Terengganu di antara tahun 1953 hingga 1963. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan teknik kajian dokumen dan temu bual. Sumber dokumen diperolehi daripada fail-fail Pejabat Kadi Daerah Besut yang ada dalam simpanan Jabatan Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu-Pahang. Objektif utama kajian adalah untuk membuat satu analisis perbandingan bagi mengetahui jumlah dan bentuk-bentuk perceraian yang berlaku di kawasan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan kadar perceraian yang berlaku sebelum merdeka adalah lebih tinggi berbanding selepas merdeka. Begitu juga bagi kes pasangan yang mengambil keputusan bersama untuk rujuk kembali. Kebanyakan perceraian yang berlaku dalam tempoh tersebut disebabkan isteri ditinggalkan suami tanpa nafkah selama tempoh yang ditetapkan dalam Islam. Ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu sebelum merdeka suka berpisah dengan cara cerai taklik. Selepas merdeka, didapati kadar perceraian secara taklik semakin berkurangan sehingga tahun 1963. Dapatan kajian juga menunjukkan, dalam tempoh 1953 hingga 1963 (sepuluh tahun), 80 peratus perceraian adalah melalui talak satu iaitu melalui cerai taklik, 11 peratus adalah talak dua dan sembilan peratus ialah talak tiga. Perceraian melalui talak satu adalah yang paling lazim digunakan dalam membubarkan perkahwinan.

Kata kunci: *perceraian; masyarakat Melayu; Kuala Besut; cerai taklik; rujuk.*

### **Abstract**

*This study examines the problem of divorce among the Malay community in Kuala Besut, Besut, Terengganu between the year 1953 to 1963. This study employed qualitative method; using document analysis and interview techniques. Document sources are derived from the files in the Qadhi Office in the District of Besut, kept by the National Archives of Malaysia, Terengganu-Pahang Branch. The main objective is to make a comparative analysis of the amount and forms of divorce that occurred in the study area. The findings showed that the divorce rate that occurred prior to independence (1957) was higher than those in the post-independence. The rates are similar in the case of reconciliation. One of the factors attributing to divorce within the period was due to abandonment, where husband leave their wife without any financial sustenance for her living for a longer period of time as per prescribed in Islam. This proves that the Malay community in Kuala Besut, before independence prefers separating through talaq ta'liq. After independence, the divorce rate through talaq ta'liq decreases till the year 1963. The findings also indicated between 1953 till 1963 (ten years), 80 percent divorce is through once talaq pronouncement, which is through talaq ta'liq, 11 percent is through twice talaq pronouncement and nine percent is triple talaq pronouncement. Divorces through once talaq pronouncement are the most commonly used method in the dissolution of marriage.*

Keywords: *divorce; Malay community; Kuala Besut; talaq ta'liq; reconciliation*

## Pengenalan

Perceraian bukan suatu perkara yang baru dalam masyarakat, bahkan ia merupakan suatu kebiasaan yang berlaku dalam mana-mana juga kelompok masyarakat, bangsa dan agama. Kes perceraian ini ada pasang surutnya, sekaligus ia memberi isyarat bahawa kes ini berhubung rapat dengan berbagai-bagai faktor yang saling berkait antara satu dengan yang lain. Setiap pasangan yang melangkah ke dunia perkahwinan memang berazam mengekalkan kebahagiaan. Perceraian adalah jalan terbaik bagi meleraikan ikatan perkahwinan yang bermasalah dan tidak dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, Islam sentiasa mengharapkan perkahwinan itu kekal buat selama-lamanya. Ini kerana perkahwinan adalah satu nikmat yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t, manakala perceraian pula merupakan perkara yang sebaliknya. Rumah tangga yang bahagia tidak akan terlaksana jika kedua-dua pihak tidak dapat memahami dan menunaikan tanggungjawab masing-masing kerana ia bukan sahaja merupakan hubungan jiwa antara suami isteri, tetapi juga melibatkan hubungan dan ketaatan kepada Allah (Najibah 1990, 2). Islam mengharuskan perceraian sebagai penawar yang pahit dan sebagai jalan terakhir sekiranya tidak ada jalan lain, setelah pelbagai cara dan pendekatan yang positif telah dilakukan untuk menyelamatkan sesebuah ikatan perkahwinan.

Perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuala Besut, Terengganu 1953-1963 ditulis adalah untuk memenuhi keperluan penyelidikan dalam sejarah sosial yang merupakan salah satu cakupan utama dalam penyelidikan sejarah. Ini kerana terdapat sebilangan kecil sahaja penyelidik yang melakukan kajian yang khusus dan menyeluruh berkaitan tajuk ini serta untuk mendapatkan gambaran yang sebenar mengenai perceraian yang berlaku di Kuala Besut sebelum dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Dari aspek sejarah sosial, kajian mengenai masalah sosial yang berkaitan dengan perceraian masih belum mendapat perhatian penyelidik, kebanyakan yang ada lebih menjurus kepada soal hukum syarak dan perceraian masa kini tanpa menekankan kepada aspek yang berkaitan dengan tempoh masa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan teknik analisis dokumen dan temu bual. Pemilihan tahun yang bermula 1953-1963 adalah pertama, faktor sumber seperti fail-fail, dokumen penting, surat menyurat, mikrofilm dan manuskrip yang berkaitan dengan kes perceraian dalam bentuk tulisan jawi yang terdapat di Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu-Pahang yang masih kurang dikaji oleh penyelidik sejarah. Kedua, untuk melihat perbandingan kadar perceraian sebelum dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Ketiga, faktor umur, kebanyakan mereka yang terlibat dalam perceraian pada tahun tersebut berumur sekitar 65-85 tahun dan masih hidup.

Setiap pasangan lelaki dan perempuan yang telah selamat diijabkabulkan tentunya mengharapkan sebuah rumah tangga yang harmoni, jauh daripada persengketaan serta kekal hingga ke akhir hayat. Walau bagaimanapun tidak semua yang diimpikan itu menjadi kenyataan. Pelbagai peristiwa dan berita tentang perceraian yang sering dipaparkan di akhbar-akhbar menunjukkan kes-kes perceraian semakin meningkat dari semasa ke semasa. Biarpun perceraian sesuatu yang dihalalkan, namun ia sebenarnya tidak digalakkan, sekiranya masih ada jalan lain ke arah perdamaian. Penemuan-penemuan yang diperolehi daripada penyelidikan ini boleh digunakan sebagai input untuk menyelesaikan masalah rumah tangga yang sering berlaku dalam masyarakat Melayu. Artikel ini akan membincangkan tentang latar belakang perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuala Besut dengan menitikberatkan konsep, prosedur, bentuk-bentuk, kadar perceraian dan perceraian mengikut tempoh perkahwinan serta cerai yang dirujuk.

## Latar Belakang Perceraian

Perceraian adalah putus hubungan perkahwinan antara suami dengan isteri. Ia merupakan rombakan ikatan atau perhubungan perkahwinan sama ada tindakan peribadi pihak suami (cerai taklik) atau menceraikan isteri secara *khuluk* dan juga pembubaran melalui perintah mahkamah seperti *fasakh*, *lian*, *ila* dan *zihar* (Ensiklopedia Dunia Melayu 1997, 105). Perceraian (talak) adalah kuasa yang ditentukan oleh suami untuk membubarkan ikatan perkahwinan. Perkataan talak telah digunakan sejak zaman Jahiliah yang membawa maksud perceraian antara suami dan isteri. Menurut pandangan

Islam, perceraian ialah meleraikan dan memutuskan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri (Anan 1997, 2). Dari segi bahasa, dalam kitab-kitab feqah, perkataan yang merujuk kepada maksud perceraian ialah *faraq* iaitu merujuk kepada perpisahan suami isteri disebabkan terputusnya hubungan perkahwinan atau sebab-sebab lain. Dari segi istilah syarak pula umumnya perceraian bererti putusnya hubungan atau ikatan perkahwinan antara suami isteri. Imam Syafie mentakrifkan perceraian sebagai memutuskan akad perkahwinan dengan lafaz talak atau perkataan lain yang seumpama dengannya. Meskipun banyak takrif yang diberikan di dalam kitab-kitab fekah tentang maksud perceraian tetapi pada keseluruhannya membawa maksud yang serupa iaitu terlerainya ikatan perkahwinan (Zaini 2002, 2).

### Prosedur Perceraian

Melihat kepada prosedur perceraian, kes-kes perceraian yang berlaku di Kuala Besut biasanya dimulakan dengan aduan yang dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat. Setelah menerima aduan, kadi akan menfailkan aduan tersebut. Seterusnya kedua-dua belah pihak akan dipanggil untuk menilai keadaan sebenar yang berlaku. Biasanya usaha-usaha damai akan dilakukan terlebih dahulu melalui nasihat dan penerangan akibat-akibat yang mungkin timbul di sebalik perpisahan antara mereka. Sekiranya kedua-dua belah pihak masih inginkan perpisahan dan jalan damai ternyata gagal dicapai, perceraian terpaksa dilakukan. Dalam keadaan ini terdapat dua cara penyelesaian iaitu penyelesaian secara baik di luar mahkamah atau penyelesaian melalui mahkamah. Penyelesaian secara baik di luar mahkamah berlaku hasil daripada persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua belah pihak berhubung dengan butir-butir perceraian tersebut. Antaranya jumlah nafkah, iddah, nafkah anak-anak, hutang piutang, harta sepencarian dan bayaran sugu hati atau *mutaah* iaitu harta yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya yang bercerai hidup sama ada dengan talak atau seumpama talak dengan syarat-syarat tertentu. Biasanya kadi akan mencadangkan pembayaran dibuat secara tunai pada masa itu juga kecuali nafkah iddah dan anak-anak (KB 29/1962). Segala butir-butir tadi akan dicatatkan oleh kadi dalam dokumen khas dan akan ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. Setelah itu, kadi akan meminta suami melafazkan cerai terhadap isterinya, biasanya dengan lafaz talak satu (KB 10/57). Di Kuala Besut, tidak semua kes perceraian akan dibawa ke pejabat kadi. Biasanya hanya kes-kes tuntutan cerai taklik dan fasakh yang akan dimajukan perbicaraannya. Fasakh ialah membatalkan atau memutuskan ikatan yang wujud antara suami isteri atau membatalkan akad perkahwinan dengan sebab kerosakan yang berlaku semasa akad perkahwinan itu atau dengan sebab-sebab mendatang yang menghalang perkahwinan daripada berkekalan.

Kes-kes perceraian ini, biasanya dimulai dengan aduan yang dibuat oleh pemohon kepada kadi atau pendaftar. Sering kali aduan-aduan adalah datang dari pihak isteri (KB 10/62) atas sebab-sebab ditinggalkan suami dan tidak diberi nafkah oleh suami atau suami menghilangkan diri. Berhubung dengan perbicaraan di Pejabat Kadi Besut, ia dimulakan dengan pembacaan tuntutan oleh pendaftar atau penolong pendaftar, kemudian pemohon dikehendaki bersumpah dan seterusnya mengemukakan keterangan beserta dengan saksi-saksinya jika ada. Seterusnya pihak lelaki kena menuntut membela diri sekiranya tidak mengaku bersalah. Setelah berpuas hati dengan keterangan yang dibuat oleh kedua-dua pihak, kadi akan memutuskan kes tersebut. Bagi kes yang ternyata sabit kesalahan di pihak lelaki misalnya, kadi akan meminta pihak lelaki melafazkan cerai terhadap isterinya. Sekiranya suami enggan berbuat demikian, kadi mempunyai kuasa untuk memutuskan ikatan perkahwinan tersebut tanpa persetujuan suami (PAT 141/1373).

Selain daripada itu, kadi juga berhak membuat keputusan dengan menjatuhkan talak kepada isterinya, jika suami gagal menghadirkan diri ke perbicaraan mahkamah tanpa sebab yang munasabah dan setelah mahkamah berpuas hati dengan keterangan suami dan saksi-saksinya. Bagi kes-kes yang gagal diselesaikan di peringkat perbicaraan dan kedua-dua pihak tetap berkeras antara satu sama lain, hakim akan melantik hakim (wakil) dari kedua-dua belah pihak dan perbicaraan tersebut akan ditangguhkan. Perbicaraan semula akan dijalankan dan keputusannya adalah bergantung kepada budi bicara hakim-hakam yang dilantik. Setelah perbicaraan dijalankan dan

keputusan cerai telah dibuat oleh pendaftar atau kadi, perjanjian antara kedua-dua pihak akan dimeterai berhubung dengan nafkah, iddah, bayaran mutaah, hak penjagaan dan nafkah anak-anak serta segala butir-butir lain seperti perbicaraan biasa. Pendaftar akan mengisi segala butir-butir perjanjian itu di dalam fail kes pasangan berkenaan. Setelah itu, barulah perceraian tersebut didaftarkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan (PAT 58/1373, PAT 43/1372, PAT 155/1373).

### Kadar Perceraian di Kuala Besut

Merujuk kepada Jadual 1, maklumat yang diambil daripada rekod pendaftaran perkahwinan dan perceraian di Kuala Besut mendapati sejak tahun 1953-1963, sebanyak 1,187 kes perceraian telah berlaku dalam tempoh sepuluh tahun tersebut. Daripada angka tersebut, sebahagian kes cerai adalah cerai taklik. Kajian mendapati bahawa untuk tahun 1953 hingga 1956, kadar perceraian yang berlaku adalah lebih tinggi berbanding selepas merdeka iaitu 1958 hingga 1963.

Jadual 1. Kadar perceraian di Kuala Besut 1953-1963

| Tahun         | Kadar perceraian |
|---------------|------------------|
| 1953          | 119              |
| 1954          | 180              |
| 1955          | 146              |
| 1956          | 151              |
| 1957          | 67               |
| 1958          | 60               |
| 1959          | 92               |
| 1960          | 95               |
| 1961          | 91               |
| 1962          | 96               |
| 1963          | 90               |
| <b>Jumlah</b> | <b>1,187</b>     |

Sumber dari Arkib Negara Malaysia. Fail Pejabat Kadi Besut Terengganu dari tahun 1953-1963.(KB 2/54, KB 4/54, KB 41/54, KB 3/55, KB 7/55, KB 47/55, KB 3/56, KB 4/56, KB 28/56, KB 36/56, KB 3/57, KB 4/57, KB 7/55, KB 5/58, KB 9/58, KB 40/58, KB 7/59, KB 8/59, KB 12/60, KB 17/61, KB 18/61, KB 13/62, KB 14/62, KB 4/63, KB 5/63).

Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, masyarakat Melayu di Kuala Besut berada di tahap kemiskinan dan kurang terdedah dengan sebarang kemajuan. Kegiatan ekonomi seperti aktiviti pertanian dan perikanan dilakukan secara kecil-kecilan dan menggunakan kaedah tradisional (Wan Othman 2005). Menurut Azizah (1984, 34) dalam *Women and Divorce among the Urban Malays*, perceraian banyak berlaku di kawasan yang kurang mendapat kemajuan seperti kawasan pertanian berbanding di kawasan-kawasan bandar yang terdedah dengan pembangunan dan perindustrian.

Selepas merdeka, Kuala Besut telah menjadi pusat ekonomi terpenting di daerah Besut sehingga menjadi tumpuan penduduk tempatan dan juga penduduk yang tinggal di daerah-daerah berdekatan. Selain daripada itu, terdapat pelbagai kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan kepada penduduk tempatan seperti bantuan pendidikan kepada anak-anak yang ingin melanjutkan pengajian, kemudahan perhubungan sama ada laluan darat dan laut, pembangunan infrastruktur dan sebagainya. Perkembangan ekonomi yang baik di samping pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan menyebabkan taraf kehidupan penduduk di Kuala Besut semakin baik dan maju (Zainab 2005). Keadaan ini secara langsung telah berjaya meningkatkan kualiti kehidupan mereka sehingga berlaku penurunan kadar perceraian. Kajian mendapati berlakunya perbezaan ketara kadar perceraian antara sebelum dengan selepas merdeka adalah disebabkan oleh dua aspek penting iaitu

aspek pendidikan dan ekonomi. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan 1957, kerajaan telah memberi penekanan kepada aspek pendidikan dengan melakukan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan dan berusaha menaikkan taraf ekonomi penduduk luar bandar yang kebanyakannya adalah golongan Melayu yang miskin.

### Bentuk-bentuk Perceraian

Bentuk-bentuk perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuala Besut sekitar tahun 1953-1963 dapat dilihat melalui peruntukan cerai di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Terengganu. Pada keseluruhannya, perceraian terbahagi kepada tiga bentuk. Di antara bentuk-bentuk perceraian yang berlaku adalah pertama, talak satu iaitu suami isteri boleh rujuk semula dalam masa iddah iaitu masa menunggu lebih kurang 100 hari. Jika isteri yang diceraikan sedang hamil, maka masa iddah berlangsung sehingga saat kelahiran. Akad nikah baru tidak diperlukan jika pasangan yang bercerai itu ingin merujuk kembali semasa iddah. Perceraian jenis ini tidak memutuskan satu-satu perkahwinan itu sepenuhnya. Pada masa iddah suami tetap dikehendaki memberi nafkah kepada isterinya. Isteri berhak tinggal di rumah yang sama semasa perkahwinan kecuali jika isteri sendiri yang meninggalkan rumah. Kedua, talak dua iaitu ada dua situasi, pertama suami menjatuhkan dua talak sekaligus apabila menceraikan isterinya, kedua, pasangan suami isteri itu telah bercerai kali pertama, kemudian rujuk semula dan bercerai pula untuk kali kedua. Pasangan tersebut boleh rujuk semula semasa iddah tanpa memikirkan akad nikah yang baru. Suami juga dikehendaki memberi nafkah dan tempat tinggal kepada isteri semasa iddah. Ketiga, talak tiga iaitu suami melafazkan tiga talak sekaligus semasa menceraikan isterinya atau pun pasangan suami isteri itu telah bercerai pada kali ketiga selepas bercerai dua kali bercerai dan dua kali rujuk. Perceraian talak tiga tidak dibenarkan rujuk semula sama ada semasa iddah atau pun selepas iddah. Pasangan tersebut hanya dibenarkan berkahwin semula selepas bekas isteri itu berkahwin dengan lelaki lain dan lelaki itu pula menceraikannya. Setelah menjalani iddah, barulah perempuan yang diceraikan suami keduanya dibenarkan berkahwin semula dengan suami yang pertama. Perkahwinan semula ini perlu diadakan upacara akad nikah.

Dalam senario perceraian yang berlaku di Kuala Besut berdasarkan kepada borang-borang permohonan cerai menunjukkan bahawa cerai biasa dan cerai taklik merupakan jenis perceraian yang sering berlaku. Golongan yang terlibat dalam jenis perceraian ini adalah mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah. Daripada rekod daftar nikah cerai di Pejabat Kadi Besut, didapati sejak 1953 hingga 1963 terdapat sebanyak 1,187 kes perceraian. Daripada kadar perceraian yang dinyatakan ini, menunjukkan bahawa lebih kurang 80 peratus adalah melalui talak satu, manakala 11 peratus adalah talak dua dan melalui talak tiga pula sebanyak sembilan peratus. Perceraian melalui talak satu adalah yang paling lazim digunakan dalam membubarkan perkahwinan. Melalui temu bual penulis dengan responden (Aisyah 2005) mendapati talak satu paling tinggi peratusannya, kerana ia dapat memberi peluang kepada pasangan yang bercerai itu rujuk semula apabila menyedari kesilapan yang dilakukan. Perceraian paling ketara yang berlaku di Kuala Besut adalah cerai taklik dengan jatuhnya talak satu (PAT 95/1373).

Taklik dari segi bahasa bermaksud *bergantung* atau *sangkut*. Ia hanya dikenali dalam kalangan masyarakat Melayu Malaysia, Brunei dan Indonesia. Menurut semua undang-undang keluarga Islam di Malaysia, seorang wanita yang telah berkahwin boleh memohon cerai taklik. Syarat-syarat cerai taklik terbahagi kepada tiga iaitu syarat yang bertentangan dengan maksud perkahwinan seperti mensyaratkan supaya suami menceraikan isterinya yang terdahulu. Kedua, tidak bertentangan dengan maksud perkahwinan seperti mensyaratkan pihak suami melayani isteri dengan baik. Ketiga syarat yang memberi faedah kepada pihak wanita seperti suami tidak boleh memukul pihak isteri atau mengambil harta isteri (*Ensiklopedia dunia Melayu* 1997). Terdapat dua jenis taklik iaitu, pertama taklik dimaksudkan seperti janji, kerana mengandungi pengertian melakukan pekerjaan atau meninggalkan suatu perbuatan atau menguatkan satu khabar dan kedua taklik ialah menjatuhkan talak bila telah dipenuhi syarat. Dari segi istilah pula, taklik bermaksud mengaitkan berlakunya talak dengan suatu

peristiwa atau perbuatan sebagai syarat. Dengan kata lain perkataan talak akan jatuh sekiranya berlaku peristiwa atau perbuatan yang dimaksudkan itu. Contohnya seorang suami berkata kepada isterinya, *"Jika engkau keluar dari rumah ini tanpa kebenaranku, maka engkau akan tertalak"* (Zaini 2002, 17). Antara contoh lain iaitu kes yang berlaku antara Mohamad Saleh bin Abdul Rahman dengan Asiah binti Abu Bakar pada tahun 1958 apabila lelaki (suami) berkata kepada isterinya: *"Kalau kamu pergi juga ke Besut atau ke Dungun jatuh talak"* (KB 18/58). Maka sekiranya isteri keluar rumah juga tanpa kebenaran suami tersebut maka talak akan jatuh.

Peruntukan tersebut jelas memberi hak kepada isteri yang hidup teraniaya, diabaikan atau dicabul hak mereka oleh pihak suami untuk menuntut perceraian menurut syarat-syarat perakuan taklik yang telah dibuat oleh suami selepas akad perkahwinan. Contoh lafaz taklik yang diucapkan oleh pengantin lelaki (suami) selepas sebaik sahaja akad nikah selesai adalah seperti berikut:

Tiap-tiap kali saya tiada bersekedudukan dengan isteri saya (nama isteri) selama empat bulan lebih sama ada saya meninggalkan akan dia atau ia meninggalkan akan saya dengan ikhtiar atau dengan terpaksa dan mengadu ia akan kadi atau naib kadi dan sabit pada sisi kadi atau naib kadi ketiadaan sekedudukan selama itu maka tertalakah isteri saya (nama isteri) itu satu talak (KB 24/1953).

Seorang perempuan yang bersuami boleh mendapat perceraian menurut syarat-syarat surat taklik yang dibuat ketika berkahwin. Dia perlu memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku (KB 2/62). Pihak pejabat kadi hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat satu penyiasatan mengenai sahnyanya perceraian tersebut. Jika mahkamah berpuas hati bahawa perceraian adalah sah, hendaklah ia mengesahkannya dan merekodkan perceraian itu. Pejabat kadi juga perlu menghantar satu salinan rekod yang diperakunya kepada pendaftar yang berkenaan dan kepada ketua pendaftar untuk didaftarkan. Perintah perceraian tidak boleh didaftarkan melainkan perintah mengenai nafkah, penjagaan dan nafkah anak-anak serta tanggungan dan mutaah telah dibuat (J.M.B 713/1355).

Jadual 2. Jumlah pendaftaran cerai taklik dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuala Besut 1953-1963

| Tahun         | Cerai Taklik | Peratus    |
|---------------|--------------|------------|
| 1953          | 63           | 14         |
| 1954          | 62           | 13.8       |
| 1955          | 43           | 9.6        |
| 1956          | 51           | 11.3       |
| 1957          | 36           | 8          |
| 1958          | 40           | 8.9        |
| 1959          | 32           | 7.1        |
| 1960          | 37           | 8.2        |
| 1961          | 29           | 6.5        |
| 1962          | 36           | 8          |
| 1963          | 20           | 4.5        |
| <b>Jumlah</b> | <b>449</b>   | <b>100</b> |

Sumber Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu/Pahang. Fail Pejabat Kadi Besut, Terengganu tahun 1953-1963: Bahagian Cerai Taklik. Mal 7/52, Mal 19/52, Mal 7/53, Mal 8/53, Mal 21/53, Mal 24/53, Mal 26/53, Mal 28/53, Mal 1/54, Mal 4/54, Mal 8/54, Mal 11/54, Mal 13/54, Mal 18/54, Mal 26/54, Mal 33/54, Mal 6/55, Mal 8/55, Mal 11/55, Mal 18/55, Mal 24/55, Mal 27/55, Mal 35/55, Mal 42/55, Mal 47/55, Mal 50/55, Mal 52/55, Mal 12/56, Mal 16/56, Mal 22/56, Mal 23/56, Mal 29/56, Mal 37/56, Mal 3/57, Mal 10/57, Mal 21/57, Mal 24/57, Mal 26/57, Mal 32/57, Mal 38/57, Mal 8/58, Mal 11/58, Mal 16/58, Mal 29/58, Mal 30/58, Mal 32/58, Mal 34/58, Mal 36/58, Mal 39/58, Mal 41/58, Mal

7/59, Mal 11/59, Mal 12/59, Mal 13/59, Mal 2/60, Mal 6/60, Mal 17/60, Mal 35/60, Mal 17/61, Mal 22/61, Mal 25/61, Mal 30/61, Mal 36/61, Mal 39/61, Mal 5/62, Mal 10/62, Mal 24/62, Mal 28/62, Mal 29/62, Mal 34/62, Mal 40/62, Mal 42/62, Mal 10/63, Mal 12/63, Mal 13/63, Mal 24/63, Mal 26/63, Mal 37/63.

Berdasarkan Jadual 2, jumlah cerai taklik yang telah didaftarkan di Pejabat Kadi Besut adalah sebanyak 449. Antara penyebab utama berlakunya cerai taklik adalah kerana suami bertindak meninggalkan isteri tanpa nafkah sehingga mencapai tempoh yang telah ditetapkan dalam Islam. Hasil kajian mendapati peratusan cerai taklik sebelum merdeka lebih tinggi berbanding selepas merdeka. Buktinya dalam tahun 1953, terdapat sebanyak 63 kes atau 14 peratus, 1954 pula sebanyak 62 kes atau 13.8 peratus. Keadaan ini menunjukkan kadar yang hampir seragam sehingga tahun 1956 iaitu sebanyak 51 kes atau 11.3 peratus. Sebaliknya situasi tahun kemerdekaan dan selepasnya, kadar cerai taklik ini didapati menunjukkan penyusutan yang ketara. Ini membuktikan masyarakat Melayu sebelum merdeka lebih suka berpisah dengan cara cerai taklik. Selepas merdeka didapati kadar perceraian secara cerai taklik semakin berkurangan sehingga tahun 1963 iaitu 20 kes sahaja atau 4.5 peratus. Ini kerana, masyarakat Melayu Kuala Besut semakin sedar akan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam kehidupan berumah tangga, peningkatan taraf hidup dan pendedahan program-program kekeluargaan menyebabkan mereka berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik.

Jadual 3. Kadar perceraian mengikut tempoh perkahwinan di Kuala Besut

| Tempoh        | Peratus    |
|---------------|------------|
| 0-11 bulan    | 8.06       |
| 1-2 tahun     | 51.6       |
| 3-4 tahun     | 19.4       |
| 5-6 tahun     | 13         |
| 7-8 tahun     | 3.2        |
| 9-10 tahun    | 3.2        |
| 11-12 tahun   | 3.2        |
| 13-14 tahun   | 1.6        |
| <b>Jumlah</b> | <b>100</b> |

Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu/Pahang. Fail Pejabat Kadi Besut, Terengganu tahun 1953-1963.

Jadual 3 menunjukkan kadar perceraian mengikut tempoh perkahwinan bagi masyarakat Melayu di Kuala Besut. Hasil daripada kajian mendapati perceraian paling kerap berlaku bagi tempoh perkahwinan 1-2 tahun dengan catatan peratusan tertinggi iaitu 51.6 peratus dan 19.4 peratus bagi tempoh 3-4 tahun. Kedua-dua tempoh masa ini dikategorikan sebagai satu tempoh percubaan bagi setiap pasangan yang berkahwin. Proses penyesuaian antara satu sama lain berlaku dalam jangka masa ini. Melalui proses ini mereka cuba membina ikatan yang lebih kukuh dan berkekalan atau sebaliknya bergantung atas kebijaksanaan mereka sendiri. Proses penyesuaian diri antara pasangan yang berkahwin akan menjadi lebih sukar apabila perkahwinan ini diatur oleh kedua-dua orang tua tanpa pasangan tersebut pernah mengenali antara satu sama lain. Keadaan ini menyebabkan proses penyesuaian diri mereka lambat ditambah pula dengan sikap gadis ketika itu pemalu dan berusia muda (Zainab 2005).

Merujuk kepada jadual yang sama, kadar perceraian menurun pada tahap usia perkahwinan menjangkau tempoh 7-14 tahun. Dalam tempoh ini hanya 3.2 peratus bagi usia perkahwinan 7 – 12 tahun dan 13 - 14 tahun hanya mencatatkan peratusan kecil iaitu 1.6 peratus. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor yang berkaitan antaranya pasangan tersebut semakin terbuka dalam menangani

setiap masalah yang melanda rumah tangga mereka. Kedua, mereka turut memahami dan mengenali hati budi pasangan kerana tempoh perkahwinan yang panjang sehingga membolehkan pasangan ini sentiasa bergaul dengan baik dan mengamalkan sikap bertolak ansur antara satu sama lain. Ketiga, mereka telah mempunyai anak-anak yang telah meningkat usia remaja dan perlukan perhatian ibu bapanya dari sudut pemantauan tingkah laku supaya anak-anak mereka tidak terjerumus dengan masalah sosial. Keadaan ini menyebabkan pasangan masing-masing lebih mementingkan dan menjaga kerukunan rumah tangga daripada mengikut kehendak diri sendiri.

### Perceraian yang Dirujuk

Rujuk merupakan jalan pendamai antara suami isteri yang ingin meneruskan ikatan yang sah semula. Dalam Islam, pihak suami boleh merujuk isterinya yang masih dalam tempoh iddah jika suami hendak kembali kepada perkahwinan mereka. Setiap perceraian yang berlaku tidak semestinya pihak yang terlibat mahukan perceraian itu berlaku. Oleh itu, jika timbul penyelesaian selepas bercerai, pasangan tersebut boleh berkahwin semula tanpa akad nikah yang baru dengan syarat isterinya masih dalam tempoh iddah.

Jadual 4: Kadar perceraian yang dirujuk di Kuala Besut

| Tahun         | Kadar Perceraian | Rujuk      |
|---------------|------------------|------------|
| 1953          | 119              | 11         |
| 1954          | 180              | 13         |
| 1955          | 146              | 20         |
| 1956          | 151              | 16         |
| 1957          | 67               | 1          |
| 1958          | 60               | 6          |
| 1959          | 92               | 10         |
| 1960          | 95               | 11         |
| 1961          | 91               | 6          |
| 1962          | 96               | 10         |
| 1963          | 90               | 10         |
| <b>Jumlah</b> | <b>1187</b>      | <b>114</b> |

Sumber: Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu/Pahang. Fail Pejabat Kadi Besut, Terengganu tahun 1953-1963. (KB 2/54, KB 4/54, KB 41/54, KB 3/55, KB 7/55, KB 47/55, KB 3/56, KB 4/56, KB 28/56, KB 36/56, KB 3/57, KB 4/57, KB 7/55, KB 5/58, KB 9/58, KB 40/58, KB 7/59, KB 8/59, KB 12/60, KB 17/61, KB 18/61, KB 13/62, KB 14/62, KB 4/63, KB 5/63).

Jadual 4 menunjukkan kadar perceraian yang dirujuk semula dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuala Besut dari tahun 1953-1963. Didapati dalam tempoh sepuluh tahun, jumlah perceraian yang dirujuk semula oleh pasangan suami isteri selepas berlakunya perceraian adalah sebanyak 114 kes atau 9.6 peratus sahaja berbanding perceraian yang berlaku iaitu sebanyak 1,187 kes. Majoriti daripada pasangan yang bercerai tidak mahu rujuk semula dengan pasangannya, bahkan mereka akan membina kehidupan lain dengan pasangan baru. Antara kes perceraian yang dirujuk semula boleh dilihat pada pengakuan rujuk yang dibuat oleh lelaki yang bercerai. Katanya:

Saya Endut bin Ismail yang memegang surat cerai jadual (D) mengaku telah berlafaz rujuk akan Bunga (Zainun binti Salleh) pada hari Isnin jam 2.50 petang bertarikh 25 Disember 1957 di hadapan kadi Besut di pejabat dengan saya berlafaz saya rujuklah Bunga binti Salleh kepada nikah saya yang dahulu (KB 32/57).

Daripada jadual tersebut juga didapati tempoh sebelum dan selepas merdeka kurang memberi impak kepada jumlah yang memilih untuk merujuk semula dengan pasangan mereka apabila berlaku perceraian. Keadaan ini berlaku kerana mereka lebih selesa membina kehidupan dengan pasangan baru. Bagi lelaki yang telah berhijrah keluar ke daerah atau negeri lain, kebiasaannya tidak

akan pulang semula ke pangkuan keluarga kerana mereka telah membina kehidupan baru bersama dengan isteri dan anak-anak yang lain.

### Kesimpulan

Peningkatan kadar perceraian sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan adalah tinggi berbanding selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Antara faktor yang dikenalpasti kepada peningkatan kadar perceraian dalam tempoh sebelum merdeka adalah disebabkan oleh suami telah bertindak meninggalkan isteri tanpa nafkah selama tempoh yang telah ditetapkan oleh Islam kerana masalah ekonomi keluarga sehingga menyebabkan isteri memohon untuk dilepaskan menerusi tuntutan mahkamah. Dalam situasi selepas merdeka pula, kadar perceraian lebih rendah akibat daripada sikap keterbukaan masyarakat setempat yang lebih terdedah kepada ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kekeluargaan di samping tindakan kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan dari segi keperluan pendidikan anak-anak, kemudahan infrastruktur dan sebagainya sehingga kekangan kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk yang berpendapatan sederhana dan rendah dapat dikurangkan. Keadaan ini menyebabkan kehidupan mereka lebih selesa sehingga mampu mengurangkan kadar perceraian dalam masyarakat Melayu di Kuala Besut.

### Bibliografi

- Aisyah Osman. 2005. Kuala Besut. Temu bual 3 Januari.
- Akmal Haji Mohd Zain. 1984. *Menuju Rumah Tangga Bahagia*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Anan Chik Muhd. 1997. *Perceraian*. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Azizah Kasim. 1984. Women and Divorce among the Urban Malays. Dlm. Hin Ai Yun. Nik Safiah Karim dan Rokiah (pnyt.). *Women in Malaysia*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Ensiklopedia Dunia Melayu*. 1997. Jil 2. Kuala Lumpur: Piramid Perdana Sdn Bhd.
- J.M.B 713/1355. Undang-undang Tanggungan bagi Anak Isteri.
- KB 24/1953. Fail Guaman Taklik. Rokiah Binti Saman. Kuala Besut: Mengadu Cerai Taklik Talak Lakinya Meninggalkannya dan Tiada Bersekedudukan Dengannya Selama Sembilan Bulan 10 hari dan KB 29/1962. Perjumpaan Kadi-kadi Negeri Terengganu Tahun 1963.
- KB 2/54. Kadi Besut. Report Penyata tahun 1953.
- KB 4/54. Report Register Nikah Cerai Rujuk dan Guaman Tahun 1954.
- KB 5/54. Wan Mamat bin Wan Noh, Cerai Cik Midah binti Yusof. Tiga Talak Kemudian Bersekedudukan Pula.
- KB 16/54. Haji Mohd bin Hussain: Penolong Pendaftar Kuala Besut.
- KB 41/54. Report Penyata Tahun 1954.
- KB 3/55. Report Register Nikah, Cerai, Rujuk dan Guaman Tahun 1955.
- KB 7/55. Report Kes Mahkamah Kadi Tahun 1955.
- KB 21/55. Mengesahkan Perceraian Lijah binti Nor dengan Deraman bin Awang.
- KB 47/55. Report Penyata Tahun 1955.
- KB 3/56. Report Register Nikah, Cerai, Rujuk dan Guaman Tahun 1956.
- KB 4/56. Report Kes Guaman Mahkamah Besut Tahun 1956.
- KB 28/56. Daftar Nikah, Cerai Seluruh Jajahan Besut.
- KB 36/56. Report Penyata Tahun 1956.
- KB 3/57. Report Kes Guaman Mahkamah Kadi Besut Tahun 1957.
- KB 4/57. Report Register Nikah, Cerai, Rujuk dan Guaman Tahun 1957.
- KB 9/57. Rayuan Hajjah Wan Supiah binti Wan Embong Minta Lakinya Cerai dengan Mudah.
- KB 10/57. Fail Guaman Taklik. Wan Nik Wan Nawang, Kampung Beris Cawat, Besut, Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-Undang 4/55.

- KB 32/57. Fail Guaman Taklik. Bunga (Zainun binti Salleh), TR 004322. Kampung Nail, Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55
- KB 5/58. Laporan Tahunan bagi 1957.
- KB 9/58. Report Register Nikah, Cerai, Rujuk Tahun 1958.
- KB 18/58. Lawatan Kadi Jajahan Besut Tahun 1958. Fail Arkib Negara Malaysia
- KB 40/58. Report Kes Mahkamah Kadi Besut Tahun 1958.
- KB 8/59. Report Kes Mahkamah Kadi Besut Tahun 1959.
- KB 12/60. Report Register Nikah, Cerai Tahun 1960.
- KB 17/61. Report Register Nikah, Cerai Tahun 1961.
- KB 18/61. Report Kes Mahkamah Kadi Besut Tahun 1961.
- KB 25/61. Zaharah Che Man: Minta Keluarkan Surat Keterangan Cerai Lakinya.
- KB 2/62. Fail Guaman Taklik. Wan Meriam Othman. TR005804. Kampung Seberang Kastam. Surat Pengaduan Taklik Talak Suaminya Tinggal Selama Satu Tahun.
- KB 10/62. Fail Guaman Taklik. Mek Kalsom binti Talib. TR 007645. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Lapan Bulan Lebih Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- KB 13/62. Report Register Nikah, Cerai, Rujuk Tahun 1962.
- KB 14/62. Report Kes Mahkamah Kadi Besut Tahun 1962.
- KB 29/1962. Perjumpaan Kadi-kadi Negeri Terengganu bagi Tahun 1963. Penyata yang dipersembahkan oleh Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Tetap berkenaan dengan perkara undang-undang Perkahwinan dan Perceraian Orang-orang Islam.
- KB 4/63. Report Kes Mahkamah Kadi Besut tahun 1963.
- KB 5/63. Report Register Nikah, Cerai, Rujuk tahun 1963.
- Mal 7/52. Zainab binti Abdul Rahman. Kuala Besut: Mengadu Taklik Talak Lakinya Meninggalkan dan Tiada Bersekedudukan Dengannya Selama 7 Bulan 20 Hari.
- Mal 19/52. Senik binti Yusof. Kuala Besut: Mengadu Taklik Talak Lakinya Meninggalkan dan Tiada Bersekedudukan Dengannya Selama 5 Tahun 2 Bulan Serta Ghaib.
- Mal 7/53. Mas binti Ismail. Kuala Besut. Mengadu Taklik Talak Lakinya Meninggalkan dan Tiada Bersekedudukan dengannya selama 10 bulan 22 hari.
- Mal 8/53. Wan Hendon binti Wan Chik. Mengadu Taklik Talak Lakinya Meninggalkan dan Tiada Bersekedudukan Dengannya Selama 3 Tahun 6 Hari.
- Mal 21/53. Mek Som binti Kasim. Kuala Besut: Mengadu Taklik Talak Lakinya Meninggalkan dan Tiada Bersekedudukan dengannya selama 2 tahun 2 bulan 27 hari.
- Mal 24/53. Rokiah binti Saman. Kuala Besut: Mengadu Cerai Taklik Talak Lakinya Meninggalkan dan Tiada Bersekedudukan Dengannya Selama 9 Bulan.
- Mal 26/53. Mek Nor binti Ibrahim. Kuala Besut: Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 6 Bulan 24 Hari.
- Mal 28/53. Mariam binti Hussin. Kuala Besut: Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 1 Tahun 5 Bulan 7 Hari.
- Mal 1/54. Zainab binti Abdullah. Kampung Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 6 Tahun 9 Bulan.
- Mal 4/54. Fatimah (Gayah) binti Hitam. Kuala Besut: Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 1 Tahun 6 Bulan 12 Hari.
- Mal 8/54. Khatijah binti Embong. Kampung Kuala Besut: Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 4 Bulan 5 Hari.
- Mal 11/54. Zainab binti Haji Mohd. Kampung Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya 5 Bulan 5 Hari.
- Mal 13/54. Che Wook binti Abd Rahman. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 1 Tahun 25 Hari.

- Mal 18/54. Putih binti Ismail. Kampung Air Tawar, Kuala Besut: Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 8 Bulan Lebih.
- Mal 26/54. Saedah binti Sulaiman. Kampung Pengkalan Nyireh. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 2 Tahun 1 Bulan 25 Hari.
- Mal 33/54. Tuan Zainab binti Tuan Mat. Kampung Air Tawar. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 5 Bulan 15 Hari.
- Mal 38/54. Tuan Salipah binti Tuan Omar. Kampung Alor Pisang. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 9 Bulan 9 Hari.
- Mal 6/55. Fatimah binti Abd Rahman. Kampung Nail. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 7 Bulan 25 Hari.
- Mal 8/55. Wan Aishah binti Wan Karim. Seberang Kastam. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Tinggal 4 Bulan Lebih.
- Mal 11/55. Wan Fatimah binti Omar. Kampung Cawat. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 9 Bulan 22 Hari.
- Mal 18/55. Mek Wook binti Mohd Saleh. Kampung Nail. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 11 Bulan 13 Hari.
- Mal 24/55. Lijah binti Mat. Kampung Air Tawar. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 4 Bulan 7 Hari.
- Mal 27/55. Tengku Salman binti Tengku Wel. Kampung Air Tawar. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 4 Bulan Lebih.
- Mal 35/55. Wan Aishah binti Wan Karim. Seberang Kastam. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 4 Bulan Lebih.
- Mal 42/55. Hasmah binti Hussin. Kampung Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 4 Bulan Lebih.
- Mal 47/55. Fatimah binti Tahir. Kampung Cawat, Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 4 Bulan Lebih.
- Mal 50/55. Zaitun binti Abd Ghani. Kampung Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 7 Bulan Lebih.
- Mal 52/55. Mek Som binti Ibrahim. Kuala Besut: Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 4 Bulan Lebih.
- Mal 12/56. Hendon binti Hamat. Kampung Kuala Besut. Kepada Wan Musa bin Haji Wan Ahmad. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 9 Bulan Lebih.
- Mal 16/56. Semik binti Butok. Kampung Cawat. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 2 Tahun Lebih.
- Mal 22/56. Munah binti Abd Rahman. Pengkalan Nyireh. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 1 Tahun Lebih.
- Mal 23/56. Che Hitam binti Che Yunus. Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 6 Bulan Lebih.
- Mal 29/56. Wan Esah binti Wan Hamat. Kampung Air Tawar. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 4 Bulan Lebih.
- Mal 37/56. Che Hafsah binti Yusof. Seberang Kastam. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 7 Bulan Lebih.
- Mal 3/57. Mek Wok binti Mohamad Saleh. Kuala Besut. Pengaduan Cerai Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya 4 Bulan Lebih.
- Mal 10/57. Wan Nik Wan Nawang. Kampung Beris Cawat. Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 21/57. Mek Nah binti Yahya. Kampung Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 24/57. Salama binti Mat Ali. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.

- Mal 26/57. Wan Fatimah binti Wan Mahmud. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 32/57. Bunga (Zainun binti Saleh). Kampung Nail. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 38/57. Habsah binti Embong. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 8/58. Halimah binti Haji Ngah. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 11/58. Rafiah binti Mat Saman. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 16/58. Fatimah binti Awang. Kampung Alor Keladi. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 29/58. Mek Nah binti Yahya. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 30/58. Som binti Awang Kechik. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 32/58. Munah binti Sulong. Kampung Teluk Budu. Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 34/58. Zainab binti Abdullah. Kampung Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 36/58. Munah binti Mail. Kampung Alor Pisang. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 39/58. Salma binti Abdullah. Kampung Nangka. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 41/58. Pisah binti Mat Dih. Kampung Tok Sabah. Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 7/59. Mek Nah binti Yahya. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 11/59. Raja Munah binti Raja Mamat. Kampung Alor Keladi. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 12/59. Mah binti Daud. Kampung Terap. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 13/59. Yah binti Taib. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 2/60. Wan Mariam binti Wan Othman. Kampung Seberang Kastam. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 6/60. Selamah binti Abdullah. Kampung Seberang Kastam. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 17/60. Rokiah binti Ali. Kampung Pengkalan Nyireh. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 35/60. Aisyah binti Othman. Kampung Nangka. Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 17/61. Aisyah binti Musi. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 22/61. Gayah binti Awang. Kampung Air Tawar. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 25/61. Zabadah binti Ahmad. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 30/61. Zainab binti Mat. Kampung Teluk Budu. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.

- Mal 36/61. Wan Kalthum binti Wan Ishak. Kampung Alor Pisang. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 39/61. Zaharah binti Saleh. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 2/62. Wan Meriam binti Othman. Kampung Seberang Kastam. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 5/62. Wan Zainun binti Ahmad Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 10/62. Mek Kalsom Talib. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 24/62. Semek binti Yaakob. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 28/62. Kiah binti Ibrahim. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 29/62. Tengku Zailan binti Tengku Haji Ibrahim. Kampung Seberang Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 34/62. Habsah binti Awang. Kampung Nail. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 40/62. Atkah binti Hasan. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 42/62. Fatimah binti Abdullah. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 10/63. Chek Jah binti Chek Mud. Kampung Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 12/63. Salma binti Saleh. Kampung Alor Pisang. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 13/63. Saodah binti Mat Hasan. Kampong Lapan Kejur. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 24/63. Fatimah binti Daud. Kampung Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 26/63. Bedah binti Abas. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- Mal 37/63. Che Latifah binti Ishak. Kuala Besut. Pengaduan Taklik Talak Suaminya Meninggalkannya Menurut Fasal 105 Undang-undang 4/55.
- PAT 51/1373. Daripada Yang Dipertua Jabatan Agama Johor 5/12/1951. Perkara. Rang Undang-undang Kahwin 1950.
- PAT 58/1373. Nikah, Cerai Hendaklah Dikawal Oleh Kadi.
- PAT 141/1373. Khutbah Nikah dan Nasihat Nikah.
- PAT 43/1372. Pohon Nasihat-nasihat Peraturan Nikah Cerai dan Lain-lain.
- PAT 106/1371. Report Guaman-guaman Mahkamah Kadi Register Nikah, Cerai dan Lain-lainnya.
- PAT 155/1372. Report Guaman Mahkamah Kadi Register Nikah Cerai dan Lain-lain Tahun 1953.
- PAT 94/1373. Report Penyata 1953.
- PAT 95/1373. Berkenaan Lafaz Taklik.
- PAT 116/1373. Nasihat kepada Suami Isteri.
- Najibah Mohd Zain. 1990. Hak-hak dan tanggungjawab suami isteri dalam perkahwinan. Kertas kerja Seminar Undang-undang Keluarga Islam. Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa.
- Wan Othman Wan Yaakub. 2005. Kuala Besut. Temu bual 3 Januari.
- Zainab Abdullah. 2005. Kuala Besut. Temu bual 3 Januari.
- Zaini Nasohah. 2002. *Perceraian: Hak Wanita Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.

RUHAIZAN SULAIMAN @ ABD. RAHIM  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: ruhaizan@unisza.edu.my

RUZAINI SULAIMAN @ ABD RAHIM  
Fakulti Pembangunan Sosial  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA  
Emel: ruzaini@umt.edu.my

ENGKU AHMAD ZAKI ENGKU ALWI (Ph.D)  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: drkuzaki@unisza.edu.my

NORIZAN ABDUL GHANI (Ph.D)  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: norizabd@unisza.edu.my